

## **Analisa Pendekatan Tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris Al Fasi dan Kesannya dalam Dakwah di Alam Melayu**

Suria binti Saad<sup>1</sup>  
Ahmad bin Yussuf<sup>2</sup>

**Abstract:** Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi is well known among the Muslim community in the Malay world. He was a Sufi scholar who mastered various fields of knowledge and was a leading religious scholar in his time. Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi established a mission of inviting people to Islam (*da'wah*), which expanded throughout the world, especially in Southeast Asia, including in Malaya in the past. The success in producing champions of scholars among his students warrants a detailed study of his motivational-teaching approach (*tarbiyyah*). The purpose of this research is to examine Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi's *tarbiyyah* approach and its impact on *da'wah* in the Malay World. Descriptive methods through library studies and document analysis were used in this study. The findings of the study found that the *tarbiyyah* approach by Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi had triggered an increase in the study of Islamic knowledge as well as the success of producing *Zakir* Muslims through *da'wah* in harmony and wisdom. This discussion is hoped to facilitate a deeper understanding of Sayyid Ahmad bin Idris Al Fasi's credibility, which adds to the body of knowledge that will guide and benefit the entire ummah.

**Keywords:** *Ahmad bin Idris, al Fasi, tarbiyyah, da'wah, Sufi.*

---

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Kedoktoran, Jabatan Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, UM, nurshine82@yahoo.com

<sup>2</sup> (Pensyarah, Jabatan Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur), amdysf@um.edu.my

## **PENGENALAN**

Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi merupakan ulama sufi yang tersohor serta mempunyai pengaruh besar dalam dakwah Islam khususnya pada kurun ke 19. Beliau merupakan ulama kelahiran Fes, Maghribi yang mempunyai susur jalur keturunan kepada Rasulullah SAW melalui cucunda Baginda SAW iaitu Sayyidina Hasan RA. Sayyid Ahmad bin Idris dilahirkan pada 21 Rajab 1163 Hijrah bersamaan 1760 Masihi di sebuah daerah bernama Mzuora dalam negeri `Araisy, Maghribi.

Beliau telah melengkapkan kehidupannya dengan ilmu dan dakwah bagi membawa manusia kepada Allah mengikut jejak panduan dan ikutan terhadap Rasulullah SAW. Beliau mengakhiri hayatnya di Sabya, Yaman setelah melakar kejayaan dalam membina generasi umat yang cemerlang serta mempunyai peranan besar dalam dakwah Islam sehingga ke hari ini.

Latar belakang diri beliau yang dikelilingi oleh ilmu dan makrifat semenjak dari kecil telah menjadikan beliau ulama yang unggul pada zamannya. Beliau memiliki hubungan ilmu dengan seluruh ulama muktabar di tanah kelahirannya, Fes. Antara guru-guru beliau ialah Sayyid Abdul Wahab al Tazi al Fasi al Hasani (w.1792), Syeikh Muhammad bin Habibillah al Mujaidiri al Syanqiti (w.tt) dan ramai lagi (Muhammad Fuad, 2020). Kepintaran dan himmah beliau telah melayakkan beliau untuk menghubungkan dirinya dengan Universiti al Qarawiyyin, Maghribi hingga lebih 30 tahun sebagai penuntut ilmu juga sebagai tenaga pengajar di universiti tertua di dunia itu. Penguasaan beliau terhadap ilmu agama khususnya al Quran telah menjadikan pemikiran dan wawasan dakwah beliau sentiasa segar dan relevan sepanjang zaman. Kecintaan dan keasyikan beliau terhadap

Rasulullah juga telah membina diri beliau menjadi seorang insan soleh yang musleh serta memiliki kepedulian terhadap urusan umat hingga sanggup mengorbankan kepentingan diri dan keluarganya.

Dakwah beliau yang mempunyai pendekatan-pendekatan menarik telah berhasil melahirkan barisan murid yang sangat berwibawa di samping berperanan dalam menyebarkan dakwah Islam secara harmoni ke seluruh dunia termasuk ke benua Asia. Nama-nama masyhur seumpama Sayyid Muhammad bin Ali al Sanusi (w.1859), Sayyid Muhammad Uthman al Mirghani (w.1852), dan Syeikh Ibrahim al Rasyid (w.1874) merupakan antara murid-murid beliau yang bergiat aktif dalam menyebarkan dakwah yang dipelopori oleh beliau khususnya selepas kewafatan beliau (O'Fahey & Karrar, 1987).

Dakwah Sayyid Ahmad bin Idris telah bertapak di Tanah Melayu khususnya di Malaysia semenjak hampir 150 tahun lalu. Sekitar tahun 1860 Masihi, ulama tersohor dari Kelantan iaitu Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (w.1894) atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal yang merupakan murid kepada Syeikh Ibrahim al Rasyid menjadi individu terawal yang membawa masuk dakwah Sayyid Ahmad bin Idris ke Tanah Melayu (Berahim @ Ibrahim & Mohd Nor, 2009; Ahmad Zaki & Roslan, 2009). Beliau telah mengambil ilmu, bai'ah dan ijazah tariqāt Ahmadiyah daripada gurunya sewaktu menuntut ilmu di Makkah al Mukarramah. Semenjak itu tersebarlah dakwah Sayyid Ahmad bin Idris di bumi Malaysia khususnya di Kelantan dan Negeri Sembilan serta berkembang pula ke negara sekitarnya seperti Thailand dan Singapura.

Kejayaan tarbiyah dalam dakwah Sayyid Ahmad bin Idris bukanlah sekadar kebetulan. Pendekatan tarbiyah beliau yang lengkap dan tersusun benar-benar sebuah resepi

kejayaan yang perlu dijadikan panduan seluruh murid dan para pencintanya. Lebih menarik, pendekatan tarbiyah beliau juga sesuai dan mampu diikuti oleh sesiapa sahaja lantaran kebijaksanaan beliau sebagai Mursyid yang berperanan mendidik manusia mengenal Allah dan RasulNya dalam menyediakan umat seluruhnya dengan panduan yang bersesuaian dengan tahap dan keadaan masyarakat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dakwah Sayyid Ahmad bin Idris yang telah sekian lama bertapak di Tanah Melayu menjadi bukti bahawa pendekatan dakwah beliau telah pun diterima baik oleh masyarakat di benua Asia ini. (Zakaria, 2012) menyenaraikan tujuh aspek falsafah Islam iaitu; faham akidah; rasional dalam Islam; toleransi dalam Islam; ukhuwwah; pandangan sejagat Islam; fahaman Ahli-Sunnah wal Jamaah; ciri-ciri kedamaian; dan kesenian Islam sebagai asas pembentukan budaya dan kesenian masyarakat Melayu hingga ke hari ini. Aspek-aspek falsafah seperti yang diutarakan di atas dilihat mempunyai persamaan dengan pendekatan yang dibawa oleh Sayyid Ahmad bin Idris dalam dakwahnya. Maka, tidak hairanlah mengapa dakwah yang dibawa oleh para penyebar dalam kalangan murid-murid Sayyid Ahmad begitu mudah diterima oleh masyarakat di Alam Melayu.

Namun, apa yang menjadi kebimbangan ialah aspek keilmuan dan peribadi Sayyid Ahmad bin Idris yang tidak begitu menonjol diperbahaskan. Sayyid Ahmad bin Idris hanya lebih dikenali sebagai pengasas tarīqātnya iaitu tarīqāt Muhammadiyah Ahmadiyah atau terkenal di Tanah Melayu dengan nama Tarīqāt Ahmadiyah. Pendekatan ilmu dan juga tarbiyah beliau yang telah berjaya melahirkan jaguh ilmuan dan pejuang Islam merupakan resepi rahsia yang perlu dicari dan digali sedalamnya.

Justeru, kajian terperinci mengenai pendekatan tarbiyah beliau serta kesannya dalam dakwah di Alam Melayu ini dirasakan perlu dikaji dan diperhalusi bagi menyediakan umat Islam khususnya di Alam Melayu ini dengan pilihan ikutan dan tauladan terbaik bagi mendepani kehidupan beragama yang kian mencabar pada masa kini. Juga bagi memastikan umat Islam mendapat manfaat sebanyaknya daripada ketokohan dan wibawa Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi mengembalikan manusia kepada Allah dan RasulNya.

Kajian berkaitan pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris dan kesannya dalam dakwah di Alam Melayu dijalankan bertujuan mencapai objektif seperti berikut:

1. Menjelaskan berkaitan pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi.
2. Menganalisa pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris melalui karya-karya terpilih beliau.
3. Merumuskan pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris dan kesannya terhadap dakwah di Alam Melayu.

## METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui kajian kepustakaan serta analisis dokumen. Kaedah penyelidikan perpustakaan adalah satu kaedah mendapatkan maklumat daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik. Dapatan dirujuk daripada karya-karya Sayyid Ahmad bin Idris sendiri selain rujukan kepada penulisan lepas yang telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Sayyid Ahmad bin Idris telah meninggalkan warisan ilmu dan amalan yang lengkap dalam usaha membimbing manusia menuju kepada Allah. Dakwah dan tarbiyah beliau begitu dekat dengan masyarakat lantaran kepekaan dan kebijaksanaan beliau dalam mendekati manusia dengan pendekatan yang harmoni dan penuh hikmah.

Kajian berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi telah dibincangkan secara meluas semenjak sekian lama. Kehebatan beliau telah menjadikan penulisan berkaitan beliau suatu perkara yang tidak asing dalam kalangan murid-murid serta zuriat beliau sendiri. Antara mereka ialah cicit beliau, Sayyid Muhammad bin Ali al Yamani (w.1922) yang menulis berkaitan biografi dan himpunan amalan beliau. Selain itu, Syeikh Soleh al Ja`fari, seorang ulama` masyhur al Azhar juga antara tokoh yang banyak menulis berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi dan tarīqāt beliau.

Begitu juga bagi para pengkaji di dalam dan luar negara. Kajian berkaitan beliau telah dilakukan secara meluas oleh R.S O'Fahey dalam penulisan beliau berjudul Enigmatic Saint (1990). Kajian berkaitan Sayyid Ahmad seterusnya turut dikembangkan oleh kumpulan pengkaji yang terdiri daripada anak-anak didik beliau di University of Bergen, Norway, yang mengkaji pula berkaitan murid-murid Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi antaranya kajian berkaitan Sayyid Uthman al Mirghani oleh Ali Karrar (1992), Sayyid Muhammad bin Ali al Sanusi oleh Knut S.Vikor (1995), Syeikh Muhammad al Majzub oleh Hofheinz (1996), Syeikh Ibrahim al Rasyid oleh Mark Sedgwick (2005), dan ramai lagi (Centre of Middle Eastern and Islamic Studies, Universiti of Bergen, Norway). Kajian mereka juga merangkumi pengaruh Sayyid Ahmad bin Idris terhadap perkembangan dakwah Islam di dunia khususnya di benua

Afrika. Kajian berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi juga telah dijalankan oleh beberapa pengkaji tempatan seawal tahun 90an antaranya oleh Che Zarrina Saari yang telah menulis berkaitan biografi Sayyid Ahmad bin Idris serta peranannya dalam penyebaran dakwah Islam di Tanah Melayu khususnya di Malaysia. Begitu juga penulisan dan penterjemahan karya Sayyid Ahmad bin Idris dengan skala besar oleh Muhammad Fuad bin Kamaludin semenjak 2003 sehingga kini.

Meskipun terdapat banyak lagi kajian yang berkaitan dengan Sayyid Ahmad bin Idris dan juga murid-murid beliau, namun kebanyakannya adalah berkaitan tarīqāt yang diasaskan oleh beliau. Kajian terhadap manhaj dakwah dan tarbiyah beliau masih kurang diperkatakan secara meluas. Zarizi (2015) dalam kajiannya berkaitan metodologi tafsir Sayyid Ahmad bin Idris telah mencadangkan agar kajian lanjut berkaitan keilmuan Sayyid Ahmad bin Idris khususnya dalam ilmu tafsir diteruskan oleh para pengkaji akan datang. Ini kerana terlalu banyak sudut keilmuan Sayyid Ahmad yang masih belum diteroka oleh para pengkaji.

## **PENDEKATAN TARBIYAH SAYYID AHMAD BIN IDRIS AL FASI**

Perjalanan dakwah Sayyid Ahmad bin Idris telah diasaskan atas dasar ketaqwaan kepada Allah, penghayatan terhadap makna Kitab Allah dan beramal dengan Sunnah Rasulullah SAW. Sayyid Ahmad bin Idris telah menggariskan lapan prinsip yang terkandung dalam manhaj dakwah beliau (Muhammad Fuad, 2007). Prinsip-prinsip ini diyakini telah memberi kesan besar dalam penyebaran dakwah beliau serta zuriat-zuriat dan murid-murid beliau di seluruh dunia termasuk di Alam Melayu. Lapan prinsip tersebut ialah:

1. Dakwah secara global.
2. Pemilihan yang tepat.
3. Penekanan dari aspek amalan.
4. Mengambil berat terhadap aspek memberikan khabar gembira tentang Islam.
5. Memasuki ke segenap kawasan.
6. Memajukan pusat kegiatan dan pembangunan kaum Muslimin.
7. Berdakwah secara aman.
8. Mengambil berat tentang amalan zikir dan membina Muslim Zakir.

Dakwah utama Sayyid Ahmad bin Idris bagi mengembalikan manusia kepada al Quran dan Sunnah terlaksana melalui tiga pendekatan tarbiyah utama iaitu penguasaan ilmu, perlaksanaan rutin amalan dan nilai kasih sayang. Ketiga-tiga pendekatan ini jelas dapat dilihat dalam dakwah dan penulisan karya-karya beliau yang masih wujud sehingga ke hari ini.

Sayyid Ahmad bin Idris melakukan misi dakwahnya melalui penguasaan ilmu yang jitu dan terpandu. Beliau dengan jelas menentang amalan bid'ah serta menolak budaya taqlid (Badaruddin et al., 2021). Ilmu merupakan keutamaan dan kemuliaan bagi beliau. Sayyid Ahmad bin Idris menyebut:

“Ilmu adalah asas ma’rifah dan asas bagi setiap kebaikan. Melalui ilmu dan bertafakkur dengan sebaik-baiknya, hati seseorang akan dapat merasai dan menikmati kebesaran Allah SWT.” (*AlNafahāt Al-Rabbaniyyah Fī Syarh Ḥadīth Al-Sunnah Al-Muhammadiyyat*, H: 115).

Sayyid Ahmad bin Idris telah meninggalkan warisan ilmu yang sangat berharga melalui dakwah serta penulisan dalam pelbagai bidang ilmu antaranya ilmu aqidah, tafsir, hadith, tasawwuf, tarīqāt dan lainnya. Tinggalan ilmu ini menjadi

bukti yang kukuh dan berguna berkaitan keilmuan beliau selain penting bagi menghidup suburkan kembali legasi dakwah dan ilmu beliau seperti apa yang pernah diperjuangkan oleh beliau sepanjang hayatnya. Muhammad Fuad (2020) telah menyenaraikan lebih 23 karya-karya Sayyid Ahmad yang masih ada hingga ke hari ini sama ada dalam bentuk cetakan atau manuskrip antaranya; *Tafsir Basmalah*, *Tafsir surah al Fatihah*, *Nafahāt al Kubrā*, *Kimya` al Yaqin fi Wuthuq al Muttaqin*, *Syarah `Aqidah Imam al Syafti`i*, *Risalah Asas*, *Risālat Qawa'id*, *Risalah Dialog Imam Ahmad bin Idris dengan Fuqaha` Najd*, *Risalah Mengenai Zikir*, *Risalah mengenai Tasawuf dan suluk*, dan banyak lagi. Manakala menurut (O'Fahey & Karrar, 1987), Sayyid Ahmad tidak banyak menghasilkan karya. Penulisan ilmu daripada pengajaran beliau banyak ditulis kembali oleh murid-murid beliau antaranya melalui kaedah *Imla'* yang mempunyai nilai yang tinggi dalam disiplin ilmu Islam. Hasil penulisan Sayyid Ahmad dapat dilihat daripada surat-surat yang dikirim oleh beliau kepada sebahagian murid-muridnya, begitu juga melalui *Ahzāb* (*Ahzāb Yang Lima*) dan *Şalawāt* (*Şalawāt Empat Belas*) karangan beliau.

Pendekatan tarbiyah melalui pelaksanaan rutin amalan kerohanian yang berterusan merupakan keutamaan bagi Sayyid Ahmad bin Idris. Pelaksanaan dan penghayatan terhadap ibadah dengan sentuhan kesufian merupakan perkara yang amat dititikberatkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris. Antara usaha keras beliau ialah membina Muslim Zakir iaitu kelompok Muslim yang sentiasa mengingati Allah. Sayyid Ahmad menyebut:

أَكْبَرُ غِدَاءٍ لِنَفْسِي ذِكْرُ اللَّهِ، وَلَوْ أَتْرَكْتُهُ سَاعَةً لَمْ أُسْتَطِعْ.

“Makanan yang paling utama bagi diri saya ialah zhikrullāh. Saya tidak akan mampu meninggalkannya walaupun cuma sesaat”. (*Al-Khulāsat Fī Al-Awrād Al-Ahmadiyyat*: 20)

Beliau juga turut menyarankan murid-muridnya agar sentiasa melazimi zikir dengan katanya:

فَإِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَلَا يَقُولَّ أَحَدًا مِنْكُمْ نَفْسٌ مِنْ أَنْفَاسِهِ غَيْرُ ذِكْرِ اللَّهِ فَافْعُلُوا.

“Sekiranya kamu mampu untuk tidak terluput walau satu nafas dari nafas-nafas kamu melainkan mengingati Allah maka lakukanlah.” (*Al-Khulāsat Fī Al-Awrād Al-Ahmadiyyat*: 21)

Tiga zikir asas yang menjadi identiti Sayyid Ahmad bin Idris ialah:

Pertama: Dhikir Makhṣuṣ, iaitu:

اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَذَّدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللهِ.

Terjemahan: “Tiada Tuhan melainkan Allah Muhammad Rasulullah, pada setiap kerlipan mata dan hembusan nafas, sebanyak bilangan segala yang diliputi oleh ilmu Allah.”

Kedua: Ṣalawāt ‘Azīmiyyat, iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وِجْهِكَ الْعَظِيمِ الَّذِي مَلَأَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ عَزْلَةً مَوْلَانَا مُحَمَّدُ ذِي الْقُرْبَى الْعَظِيمِ وَعَلَى إِلَيْكَ الْمُؤْمِنُونَ يَقْرُرُ عَظَمَتِكَ دَاءِبَ الْعَظِيمِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ عَذَابَ مَا فِي عِلْمِكَ الْعَظِيمِ صَلَوةً دَائِمَةً بِذِي الْعَجَابِ تَعْصِيمًا لِجَنَاحَكَ يَا مَوْلَانَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا الْحَلْقَى الْعَظِيمِ وَسَلَامٌ عَلَيْكَ وَعَلَى إِلَيْهِ مِثْلَكَ وَاجْمَعُ بَنِي وَبَنِتِكَ كَمَا جَعَلْتَ بَيْنَ الرُّوحِ وَالنَّفْسِ طَاهِرًا وَبَاطِنًا بِقُطْنَةٍ وَمَنَامًا وَأَخْفَلَهُ يَا رَبَّ رُوحًا لِدَنَانِي مِنْ جَمِيعِ الْأُنْجُو وَفِي الْأَدْنِيَنَ قَبْلَ الْأَجْرَةِ يَا عَظِيمَ.

Terjemahan: “Aku memohon keampunan kepada Allah Yang Maha Besar; Yang tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia; Tuhan Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri dengan sendirinya; Maha Pengampun segala dosa; Yang memiliki Keagungan dan Kemuliaan. Aku bertaubat kepadaNya dari segala jenis maksiat, dosa dan kesalahan yang telah aku lakukan, sama ada dengan sengaja atau pun tidak, sama ada yang zahir mahupun yang batin, sama ada pada perkataan dan perbuatan, dalam setiap pergerakan dan diamku, yang terlintas di dalam hati dan diriku; semuanya selama-lamanya. Tidak kira sama ada dosa-dosa yang aku ketahui atau tidak aku ketahui, sebanyak bilangan segala yang diliputi oleh Ilmu Allah dan yang terkandung di Lawh Mahfūz, semenjak diciptakan alam sehingga penghujungnya dan yang ditulis oleh Qalam. Sebanyak yang diadakan oleh Qudrah Allah dan ditentukan oleh IrādatNya dan sebanyak tinta kalimah-kalimah Allah seperti mana yang selayaknya bagi keagungan Dzāt Tuhan kami, keindahanNya, kesempurnaanNya dan seperti mana yang dikasihi oleh Tuhan kami dan yang direhahiNya.”

Ketiga: Istighfār Kabīr, iaitu:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَكْبَرُ الْجِمْعَ، عَذَارُ الدُّنُوبِ دُنُوبُ الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأُنْوَبُ إِلَيْهِ مِنْ جُمِيعِ  
الْمُعَاصِي كُلُّهَا وَالدُّنُوبِ وَالآثَامِ، وَمِنْ كُلِّ ذَنْبٍ أَذْنَبَهُ عَنْهَا وَخَطَا، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا، فَوْلًا وَفَلَادًا، فِي جُمِيعِ حَرَكَاتِ  
وَسُكُونَاتِ وَحْشَطَاتِي وَالنَّفَاسِي كُلُّهَا، ذَانِبًا أَبَنَا مُزَمَّدًا، مِنَ الذَّنْبِ الَّذِي أَعْلَمُ، وَمِنَ الذَّنْبِ الَّذِي لَا أَعْلَمُ، عَنْهَا مَا  
أَخْطَطَ بِهِ الْعِلْمُ، وَأَخْصَاهُ الْكِتَابُ، وَحَصَّهُ الْعِلْمُ، وَعَنْهَا مَا أُوجِدَتِهِ الْقُلُوبُ، وَحَصَّصَتِهِ الْإِرَادَةُ، وَمِنَادَ كَلِمَاتِ اللَّهِ،  
كَمَا يَبْعِي طَلَالَ وَجْهَ رَبِّنَا وَجَاهَةَ وَكَمَالِهِ، وَكَمَا يُجْبِي رَبِّنَا وَبَرَصَنِي.

Terjemahan: “*Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan Nur Kiblat Allah Yang Maha Besar (Nabi Muhammad SAW yang merupakan Kiblat roh umat Islam seperti Ka’bah yang merupakan Kiblat jasad mereka), yang memenuhi segala penjuru ‘Arasy Allah Yang Maha Besar, dan dengannya berdiri seluruh alam Allah Yang Maha Besar, agar Engkau mencucuri rahmat ke atas Penghulu kami Muhammad; yang mempunyai martabat yang besar, dan ke atas keluarga Nabi Allah Yang Maha Besar, dengan kadar kebesaran Dzāt Allah Yang Maha Besar, pada setiap kerlipan mata dan hembusan nafas, sebanyak bilangan segala yang diliputi oleh ilmu Allah Yang Maha Besar, dengan Salawāt yang berkekalan sebagaimana kekalnya Allah Yang Maha Besar, sebagai suatu penghormatan bagi kedudukanmu, wahai Tuan kami! Wahai Muhammad! Wahai yang mempunyai akhlak yang mulia! Salam kesejahteraan daripadaMu ke atasnya dan ke atas keluarganya seperti yang demikian itu juga.*

*Himpunkanlah di antara aku dan Baginda SAW sebagaimana Engkau telah menghimpunkan antara roh dan nafsu (dalam satu jasad), zahir dan batin, sama ada ketika sedar atau pun tidur. Jadikanlah Baginda SAW wahai Tuhanku! Roh bagi Dzātku dari semua keadaan di dunia ini sebelum hari Akhirat, wahai Tuhan Yang Maha Besar!”*

Sayyid Ahmad bin Idris juga telah menetapkan susunan amalan khusus bagi murid-murid yang digelar ‘ikhwān’ yang mengikuti perjalanan tarīqāt beliau iaitu tarīqāt Muhammadiyah Ahmadiah. Himpunan amalan beliau telah di Imla’ oleh murid beliau Sayyid Muhammad bin Ali al Sanusi dalam kitab *Nafahāt al Kubrā*, dan sebahagian lainnya pula telah disusun oleh cicit beliau iaitu Sayyid Muhammad bin Ali bin Muhammad al Yamani dalam karya beliau berjudul *Risālat Al-Awrād Al-Idrīsiyyat* (Muhammad Fuad, 2021). Himpunan amalan-amalan ini adalah lengkap bermula dari bangun tidur hingga tidur kembali disamping turut dibekalkan panduan dan nasihat yang sangat bermanfaat sebagai bekal perjalanan seorang hamba.

Meskipun telah menyusun amalan yang begitu lengkap, Sayyid Ahmad bin Idris sering mengingatkan ikhwannya agar mendahulukan zikir utama tarīqāt Ahmadiah iaitu al Quran al Karim sebelum melakukan tambahan amalan yang lain. Begitu juga peringatan beliau kepada ikhwannya agar tidak mengabaikan tanggungjawab dan amanah dalam kehidupan seperti menguruskan keluarga serta melaksanakan amanah sebagai pekerja dengan sebaiknya (Muhammad Fuad, 2020). Lantaran itu, disamping amalan khusus seumpama pembacaan *Ahzāb* Yang Lima, Selawat Empat Belas, Mahamid Yang Lapan dan yang lainnya, Sayyid Ahmad turut menyediakan amalan-amalan ringkas yang sesuai diamalkan oleh masyarakat awam.

Antara contoh amalan ringkas susunan Sayyid Ahmad bin Idris yang mudah dan dekat dengan masyarakat adalah zikir *Kanz Sa'ādat*. Zikir yang menjadi rutin amalan Sayyid Ahmad ini dikongsikan kepada murid-murid beliau yang telah memintanya daripada beliau setelah seringkali melihat beliau melakukannya. *Kanz Sa'ādat* mengandungi tujuh zikir utama iaitu;

1. لا اله الا الله محمد رسول الله في كل لحظة ونفس عدد ما وسعه علم الله
2. لا اله الا الله
3. الله
4. هو
5. يا عظيم
6. يا حي يا قيوم
7. يا لطيف

Kanz Sa'ādat merupakan zikir penting bagi ikhwani Sayyid Ahmad bin Idris yang dibacakan secara berjamaah terutama selepas solat Maghrib. Kandungan lengkap zikir *Kanz Sa'ādat* mengandungi *Fawātih* (Pembuka Aurad), doa yang mengiringi setiap zikir serta penutup. Selain itu, satu lagi amalan ringkas yang sangat digalakkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris ialah bacaan Ratib Pagi dan Petang yang mengandungi surah *Yāsīn*, *Asmā' al-Husnā*, zikir nama Allah *Al-Latīf* serta himpunan doa. Kedua-dua amalan ini merupakan amalan lengkap yang ringkas dan mudah untuk dipraktikkan setiap hari terutama bagi mereka yang mempunyai kesibukan dengan tugasan hidup sehari-hari.

Pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris melalui nilai kasih sayang sesama manusia pula merupakan intipati terhadap penghayatan terhadap Sunnah Rasulullah SAW khususnya terhadap keprihatinan nilai kasih dan keprihatinan Baginda SAW terhadap umat keseluruhannya. Nilai ini jelas telah menjadi ikutan Sayyid Ahmad bin Idris dan dapat dilihat dengan jelas melalui kandungan surat-surat yang dikirim oleh beliau kepada murid-muridnya, (Muhammad Fuad, 2019) (Thomassen & Radtke, 1993) juga melalui kisah muamalah beliau terhadap anggota

masyarakat meskipun dalam kalangan bukan Islam seperti yang terkandung dalam biografi-biografi tentang beliau (Muhammad Ali dan Soleh al Ja'fari, 2021).

## KESAN TARBIYAH AHMADIAH DI ALAM MELAYU

Tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris telah berhasil melahirkan kelompok masyarakat yang berilmu serta berjiwa harmoni hasil daripada pembinaan jiwa kehambaan melalui penghadapan yang tulus kepada Allah serta ikutan yang menyeluruh kepada Rasulullah SAW melalui al Quran dan Sunnah. Bukti terhadap nilai keilmuan yang diwariskan oleh Sayyid Ahmad bin Idris kepada murid-muridnya terlalu banyak. Kejayaan cicit beliau dalam mengasaskan kerajaan Adārisat di Yaman menjadi dalil kukuh terhadap warisan keilmuan tersebut. Begitu juga dengan pengasasan kerajaan Libya oleh cucunda kepada murid kanan beliau, Sayyid Muhammad bin Ali al Sanusi bernama Sayyid Muhammad bin Idris al Sanusi (w.1983) yang merupakan testimoni tarbiyah Ahmadiyah yang sangat berwibawa.

Kesan tarbiyah ilmu Sayyid Ahmad di Alam Melayu khususnya di Malaysia pula dapat dilihat melalui kerancakan budaya ilmu yang berlaku dalam masyarakat. Menurut Che Zarrina (1993), gelaran ‘Serambi Mekah’ buat negeri Kelantan adalah lahir bertitik tolak daripada kaedah penyebaran dakwah yang dikembangkan hasil daripada tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris melalui pengajaran ilmu agama yang mencakupi pelbagai bidang kepada muridmuridnya. Seperti mana penerimaan terhadap aliran fiqh mazhab Syafi`i yang berorientasikan ilmu yang telah menyusun kerangka hubungan manusia-manusia, manusia-Tuhan dan manusia-alam (Zakaria, 2012), pendekatan dakwah Sayyid Ahmad juga telah diterima baik oleh masyarakat di Alam Melayu ini hingga ke hari ini. Tarbiyah

melalui ilmu juga sangat penting bagi mengawal dan mengekang fahaman salah dan sesat dalam masyarakat Islam khusunya dalam kerancakan dakwah Islam masa kini.

Tarbiyah melalui perlaksanaan amalan merupakan perkara penting yang perlu dilaksanakan dengan penghayatan dan kefahaman yang benar. Usaha melahirkan Muslim Zakir yang digagaskan oleh Sayyid Ahmad bin Idris dilihat mampu menjadi solusi memalingkan fokus dan tumpuan umat Islam daripada sikap cintakan kebendaan yang mampu melalaikan mereka daripada tumpuan menjadi hamba Allah yang sebenar-benar hamba. Namun, perlaksanaan rutin amalan seperti yang ditinggalkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris dilihat masih tidak mencapai keselarasan yang optimum meskipun dalam kalangan mereka yang mengaku mengikuti jalan dakwah yang dibawa oleh Sayyid Ahmad bin Idris. Kewujudan aliran tarīqāt Ahmadiah yang pelbagai di rantau Asia ini telah merencatkan usaha mencapai keseragaman beramal dengan himpunan dan saranan amalan yang ditetapkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris. Meskipun begitu, usaha penyatuan amal ini perlu dilakukan antaranya dengan cara mengikuti panduan daripada aliran paling berautoriti berbanding yang lainnya. (Badaruddin et al., 2021) menyatakan bahawa aliran silsilah yang berasal dari Sudan mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana kerana mempunyai hubungan nasab kekeluargaan dengan Sayyid Ahmad bin Idris dikenali dengan istilah *Adārisat*. Manakala bagi tarbiyah melalui nilai kasih sayang, prinsip mengambil berat terhadap aspek memberikan khabar gembira tentang Islam, dan berdakwah secara aman mampu memberi kesan yang harmoni dalam dakwah yang disebarluaskan disamping menjadi sebab penerimaan manusia terhadap apa yang disampaikan. Inilah yang telah ditunjukkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris melalui kisah perjalanan dakwah beliau. Begitu juga yang dilalui oleh murid-murid serta zuriat-zuriat beliau termasuk para

pendakwah yang berperanan menyebarluaskan dakwah Ahmadiyah di Tanah Melayu hingga ke hari ini.

## KESIMPULAN

Kajian ringkas ini merumuskan bahawa pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris al Fasi merupakan suatu pendekatan yang boleh dijadikan pegangan umat Islam dalam usaha menjadi hamba yang mampu memahami hakikat penciptaan sebagai hamba Allah. Dakwah mengembalikan umat kepada al Quran dan Sunnah serta pembinaan Muslim Zakir melalui nilai ilmu dan pelaksanaan amalan kerohanian yang berterusan dan penuh penghayatan merupakan perkara yang relevan dan sesuai dipraktikkan sepanjang zaman. Begitu juga pendekatan tarbiyah melalui nilai kasih sayang yang diyakini mampu memberikan kesan baik kepada masyarakat khususnya di Alam Melayu ini.

Namun, usaha menghidupkan kembali dakwah melalui pendekatan tarbiyah yang dibawa oleh Sayyid Ahmad bin Idris ini benar-benar memerlukan kepada bimbingan dan penelitian yang mendalam khususnya terhadap ketulenan peribadi dan amalan yang disandarkan kepada beliau dengan merujuk kepada karya-karya tinggalan beliau juga melalui rujukan kepada pewaris dakwah beliau dalam kalangan zuriat-zuriat beliau yang masih ada hingga ke hari ini. Nilai sebenar keilmuan beliau perlu ditonjolkan bagi mengembalikan kegemilangan ilmu dan kecemerlangan sahsiah beliau sebagai bekal dan panduan generasi umat di Alam Melayu hari ini dan juga di masa akan datang.

## RUJUKAN

1. Abd Hamid, Khairani binti Zakariya @. (2012). “Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiyah

Sekolahsekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia” in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol.2(1) Juni, pp.79-94. Bandung, Indonesia.

2. Ahmad bin Idris (2019), *Rasā'il Ahmad bin Idris*, terj. Muhammad Fuad bin Kamaludin, Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara, Ampang, Selangor, Malaysia.
3. Ahmad bin Idris (2020), *Al-Nafahāt Al-Rabbaniyyah Fī Syarh Ḥadīth Al-Sunnah AlMuhammadiyyat*, terj. Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara, Negeri Sembilan, Malaysia.
4. Badaruddin, F., Stapa, Z., & Mahyuddin, A. R. M. & M. K. (2021). *Tarīqāt Ahmad B. Idris Al-Fasi dan Pengaruhnya di Malaysia*. 91(1), 119–127.
5. Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara (2020), Majmuah Ahzāb Wa Aurad (Edisi Terjemahan).
6. Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara (2020), Al Wafa: Ketetapan-ketetapan Rasmi Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisah Muhammadiyah Dunia 1438- 1440 Hijrah / 2017-2019 Masihi.
7. Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara (2020), Majmuah Ahzāb Wa Aurād (Edisi Terjemahan).
8. Muhammad Ali dan Soleh bin Muhammad al Ja`fari (2021). *Al Muntaqa al Nafis fi Manaqib Qutb Dairah al Taqdis Sayyidina wa Maulana al Sayyid Ahmad bin Idris* (Pilihan Berharga Dalam Manaqib Imam Ahmad bin Idris RA, terj. Muhammad Fuad bin Kamaludin (Rembau : Institut Imam Ahmad bin Idris).
9. Muhammad Fuad bin Kamaludin (2007), Sayyid Ahmad bin Idris al Hasani RA, cetakan kedua, Sofa Production, Abnak Printing.

10. Muhammad Fuad bin Kamaludin (2020), *Dhikir Makhṣuṣ*, Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara, Negeri Sembilan, Malaysia.
11. Muhammad Fuad bin Kamaludin (2021). *Al-Khulāsat Fī Al-Awrād Al-Ahmadiyyat* (Khulasah Aurad Ahmadiah : Amalan Siang & Malam Tarīqāt Ahmadiah Muhammadiyah), Rembau : Institut Imam Ahmad bin Idris).
12. Muhammad bin Ali (2018), Risalah Al Aurad Al Idrisiah, terj. Muhammad Fuad bin Kamaludin, Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara.
13. O'Fahey, R. S., & Karrar, A. S. (1987). The enigmatic imam: The influence of ahmad bin idrīs. *International Journal of Middle East Studies*.  
<https://doi.org/10.1017/S0020743800031846>
14. Thomassen, E., & Radtke, B. (1993). *The Letters of Ahmad bin Idris*. Hurst & Company, London.
15. Zakaria, I. (2012). Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan. *J. Hadhari*, 91–108.

## LAMAN WEB

1. Centre for Middle Eastern and Islamic Studies University of Bergen, Norway,  
<https://org.uib.no/smi/research/projects03.htm>
2. Masyyakhah Tarīqāt Ahmadiah Idrisiah Asia Tenggara. Siri Pengenalan Imam Ahmad bin Idris RA.
3. <https://www.facebook.com/tarīqātidrisiah/photos/a.187273288698227/902853253806890/>
4. The General Sheikhdom Of The Sufi Orders  
<https://sufiordersgate.com/ar/>